

D.R. 15/2006

**RANG UNDANG-UNDANG
GARIS PANGKAL ZON MARITIM 2006**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Undang-undang yang dipakai
4. Koordinat geografi titik pangkal
5. Garis pangkal
6. Had zon maritim
7. Peta dan carta
8. Perakuan Menteri
9. Peraturan-peraturan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengisytiharan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAWASANYA Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut telah dibuat di Montego Bay pada 10 Disember 1982:

DAN BAHAWASANYA Malaysia telah mendepositkan surat cara ratifikasinya pada 14 Oktober 1996 dan oleh yang demikian mengikut Perkara 308 Konvensyen, Konvensyen tersebut mula berkuat kuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada 14 November 1996:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"carta" ertinya suatu carta nautika yang direka khusus untuk memenuhi keperluan pandu arah marin, menunjukkan kedalaman

Rang Undang-Undang

air, keadaan dasar laut, tatarajah ketinggian dan ciri-ciri pantai, bahaya dan bantuan pelayaran, dalam suatu format yang standard dan carta itu juga disebut sebagai carta marin atau carta hidrografi;

"garis air surut" ertinya persilangan satah air surut dengan daratan; garisan sepanjang pinggir laut atau pantai semasa air surut;

"garis pangkal" ertinya garis pangkal sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 5;

"geodesi" ertinya suatu lengkungan yang memberikan jarak terdekat di antara dua titik di atas suatu permukaan yang ditetapkan;

"ketinggian air surut" ertinya kawasan daratan yang terbentuk secara semula jadi yang dikelilingi air dan timbul semasa air surut tetapi tenggelam semasa air pasang;

"laut wilayah" ertinya perairan wilayah Malaysia sebagaimana yang ditentukan mengikut Ordinan Darurat, (Kuasa² Perlu) No. 7 1969 [P.U. (A) 307A/I969];

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi maritim;

"pelantar benua" ertinya pelantar benua Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83];

"zon ekonomi eksklusif" ertinya zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagaimana yang ditentukan mengikut Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 [Akta 311];

"zon maritim" ertinya laut wilayah, pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif Malaysia, atau mana-mana daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Undang-undang yang dipakai

3. (1) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, peruntukan Akta ini hendaklah dipakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

Garis Pangkal Zon Maritim

5

(2) Peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang tidak bercanggah atau yang selaras dengan peruntukan Akta ini hendaklah selainnya terus terpakai.

(3) Dalam seksyen ini, ungkapan "undang-undang bertulis" tidak termasuk Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

Koordinat geografi titik pangkal

4. (1) Yang di-Pertuan Agong, atas syor Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisyiharkan koordinat geografi titik pangkal yang darinya garis pangkal Malaysia boleh ditentukan di bawah seksyen 5.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyiharkan koordinat geografi titik pangkal mengikutkawasan yang dinyatakan.

(3) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan di hadapan setiap Dewan Parlimen dengan seberapa segera yang mungkin selepas penyiarannya.

Garis pangkal

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), garis pangkal bagi maksud menentukan zon maritim Malaysia ialah -

- (a) garis air surut sepanjang pantai seperti yang ditandakan dalam carta berskala besar;
- (b) garis air surut arah laut suatu terumbu sebagaimana yang ditunjukkan dengan simbol yang sesuai di atas carta; atau
- (c) garis air surut pada ketinggian air surut yang terletak keseluruhannya atau sebahagiannya pada jarak tidak melebihi lebar laut wilayah dari tanah besar atau sesuatu pulau.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), berkenaan dengan mana-mana kawasan yang baginya koordinat geografi titik pangkal telah diisyiharkan di bawah seksyen 4, kaedah garis pangkal lurus yang ditafsirkan sebagai geodesik yang menghubungkan koordinat geografi titik pangkal berturutan yang telah diisyiharkan sedemikian boleh digunakan bagi menentukan zon maritim Malaysia.

Had zon maritim

6. (1) Zon maritim Malaysia hendaklah diukur daripada garis pangkai.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Yang di-Pertuan Agong, atas syor Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisyiharkan garis batasan iuar atau garis persempadanan bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana zon maritim Malaysia.

(3) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibentangkan di hadapan setiap Dewan Parlimen dengan seberapa segera yang mungkin selepas penyiarannya.

Peta dan carta

7. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Menteri —

- (a) menyebabkan disediakan dan dikeluarkan apa-apa peta yang difikirkannya patut yang menunjukkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan koordinat geografi titik pangkai, garis pangkai, garis batasan luar dan garis persempadanan zon maritim Malaysia; atau
- (b) menyebabkan disediakan dan dikeluarkan apa-apa carta berskala besar atau carta berskala yang bersesuaian untuk penentuan kedudukan, sebagaimana yang difikirkannya patut, yang menunjukkan garis air surut sepanjang pantai dan boleh menyebabkan ditunjukkan pada carta itu apa-apa perkara lain yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Tanpa menjelaskan keluasan perenggan (1)(a) dan (b), peta atau carta itu hendaklah merupakan —

- (a) peta yang disediakan dan dikeluarkan masing-masingnya oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Malaysia atau carta yang disediakan dan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hidrografi Tentera Laut Diraja Malaysia;
- (b) yang diberi tarikh dan diperakui sebagai salinan peta atau carta yang benar dan betul berhubung dengan perkara-perkara yang terkandung dalamnya masing-masing oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Malaysia atau Ketua Pengarah Hidrografi Tentera Laut Diraja Malaysia; dan

(c) yang masing-masingnya disimpan di pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Malaysia atau Ketua Pengarah Hidrografi Tentera Laut Diraja Malaysia.

(3) Mana-mana peta atau carta yang disediakan dan dikeluarkan di bawah perenggan (2)(a) atau (b) hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan, jika perlu, dalam apa-apa bentuk lain sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Menteri.

(4) Mana-mana peta atau carta yang disediakan dan dikeluarkan di bawah perenggan (2)(a) atau (b) boleh didapati oleh orang awam apabila fi yang ditetapkan dibayar.

(5) Dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah, mana-mana peta atau carta yang disediakan dan dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah boleh diterima dalam keterangan sebagai bukti *prima facie* tentang kandungan peta atau carta itu.

Perakuan Menteri

8. Dalam mana-mana prosiding undang-undang atau prosiding lain, perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kebenaran Menteri yang mengandungi suatu pernyataan bahawa mana-mana lokasi geografi yang dinyatakan daiam perakuan itu, pada bila-bila masa yang material dalam prosiding itu, terletak di dalam mana-mana zon maritim Malaysia adalah—

(a) suatu bukti muktamad mengenai kandungan pernyataan itu tanpa bukti formal tentang tandatangan atau jawatan rasmi orang yang dikatakan telah mengeluarkan perakuan itu; dan

(b) boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding itu, tetapi pengemukaannya tidak boleh diwajibkan.

Peraturan-peraturan

9. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kesan sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan tersebut boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini yang dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengisyiharkan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

2. *Fasal 7* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 3* menyatakan bahawa sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselaras anlara peruntukan Akta yang dicadangkan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain, Akta yang dicadangkan hendaklah dipakai.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa, atas syor Menteri untuk mengisyiharkan koordinat geografi titik pangkal yang daripadanya garis pangkal Malaysia boleh ditentukan.

6. *Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi penentuan garis pangkal bagi zon maritim Malaysia.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa, alas syor Menteri melalui perintah, mengisyiharkan garis batasan luar dan garis persempadan unruk menentukan had zon maritim Malaysia.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa, atas syor Menteri untuk menyebabkan disediakan dan dikeluarkan apa-apa peta dan carta yang difikirkannya patut yang menunjukkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan koordinat geografi titik pangkal, garis pangkal, garis balasan luar dan garis persempadan zon maritim Malaysia.

9. *Fasal 8* mempercuali bahawa dalam mana-mana prosiding undang-undang atau prosiding lain, perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kebenaran Menteri yang mengandungi suatu pernyataan bahawa mana-mana lokasi geografi yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah, pada bila-bila masa yang material datam prosiding itu, terletak di dalam mana-mana zon maritim Malaysia hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai kandungan pernyataan itu tanpa bukti formal tentang tandatangan atau jawatan rasmi orang yang dikatakan telah mengeluarkan perakuan itu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi maksud melaksanakan Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan membalaikan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

LPN(U²)2494]